

PERANAN INSTITUSI KEWANGAN DALAM KESEJAHTERAAN EKONOMI BELIA LUAR BANDAR

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR & MOHD RA'IN SHAARI

ABSTRAK

Faktor ekonomi adalah faktor yang boleh mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi seperti sumber alam, sumber manusia, sumber modal dan keahlian dalam keusahawanan. Faktor modal merupakan sumber yang paling penting dalam membangunkan ekonomi belia luar bandar. Tanpa modal usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi tidak dapat dijalankan. Dalam kajian ini institusi kewangan memainkan peranan penting dalam membantu belia-belia luar bandar memajukan ekonomi mereka. Objektif kajian ini ialah pertamanya mengenal pasti institusi kewangan yang memberikan pinjaman kewangan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan. Kedua menjelaskan peranan institusi kewangan dalam memberikan bantuan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan. Kajian ini menggunakan Teori Daya Saing Porter (Teori Berlian) untuk menganalisis. Kajian ini mendapati banyak contoh institusi-institusi kewangan seperti MARA, Amanah Ikhtiar, MARDI, TEKUN, dan Tabung Ekonomi Belia yang memberikan pinjaman kepada belia-belia luar bandar untuk memulakan perniagaan. Kesimpulannya institusi kewangan memainkan peranan penting untuk membangunkan ekonomi belia luar bandar.

Kata Kunci: Belia, Ekonomi, Luar Bandar, Kewangan, Pinjaman

ABSTRACT

Economic factors are factors that can influence the growth and development of the economy, such as natural resources, human resources, capital resources, and membership in entrepreneurship. Capital resource is the most important resource in developing the economy of rural youth. Without the capital on efforts, works to develop the economy could not be carried out. In this study the financial institutions play an important role in helping rural youth to develop their economies. Objective of the study is firstly to identify financial institutions that provide loans for youth who want to start a business. The second explains the role of financial institutions in providing assistance to youth who want to start a business. This study used the Porter Competitiveness Theory (theory of purchase) analyses. The study found many financial institutions such as MARA, Amanah Ikhtiar, MARDI, Argo banks, TEKUN and Tabung Ekonomi Belia that provides loans to rural youth to start business. The findings show that such financial institutions provide possible progress not just to the youth but to the race and nation. In conclusion, the role of financial institutions play an important role in developing the economy of rural youth.

Keywords: Youth, Economic, Rural, Financial, Loan

PENGENALAN

Belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda, secara keseluruhannya terdiri daripada pemuda dan pemudi. Belia berperanan dalam membentuk masyarakat dan negara. Dari segi ekonomi, golongan belia mewakili 66 % daripada penduduk yang bekerja di negara ini. Oleh itu, golongan belia bukan sahaja penting dari segi potensi, malahan juga dari aspek realiti sumbangan terkini mereka sama ada berbentuk ekonomi, sosial mahupun politik negara.

Junaidi Awang Besar et.al. (2012:138) menyatakan bahawa belia sering kali dianggap sebagai aset dan pewaris negara yang akan memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan belia dianggap penting untuk diberi perhatian bagi memastikan bahawa negara dapat meneruskan kelangsungan pembangunan. Pembangunan ekonomi merupakan pembangunan yang penting untuk digalas oleh kaum belia. Cabaran pembangunan dunia kini tertumpu pada ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Pembangunan negara bermaksud suatu proses meningkatkan kualiti keseluruhan lapangan dalam negara termasuk kehidupan masyarakatnya. Ia juga bermaksud satu usaha untuk membebaskan masyarakat daripada pelbagai tekanan dan ancaman persoalan atau masalah yang boleh melemahkan institusi masyarakat itu. Pembangunan negara bukan hanya diukur berdasarkan pencapaian ekonomi, industri dan teknologi moden semata-mata, tetapi ia meliputi peningkatan kualiti dan nilai hidup sosial, budaya, pendidikan, alam sekitar, politik, aspek-aspek spiritual dan moral masyarakat. Keterlibatan para belia amat diperlukan dalam usaha untuk merealisasikan matlamat negara maju. Penglibatan belia terutamanya belia luar bandar dalam bidang ekonomi amat diperlukan. Kesan daripada peranan yang dimainkan oleh golongan belia khususnya belia luar bandar dalam bidang ekonomi secara tidak langsung menaikkan taraf hidup rakyat dan negara. Sistem ekonomi yang stabil amat penting bagi sesebuah negara. Ia berupaya menarik minat pelabur luar untuk melabur di negara ini.

Belia merupakan aset insani Malaysia yang memainkan peranan paling penting dalam usaha kerajaan Malaysia untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang dan terbilang menjelang tahun 2020. Daripada jumlah penduduk Malaysia yang ada sekarang, belia dianggarkan mencatat hampir separuh daripada jumlah penduduk di negara ini. Menurut unjuran Unit Perancang Ekonomi, jumlah belia di Malaysia dijangkakan 40% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Belia merupakan tunjang negara yang masih belum mahu berubah dan terjebak dengan pelbagai kemelut sosial. Mentaliti belia hari ini belum lagi mengalami anjakan paradigma selaras dengan pembangunan negara. Pada alaf baharu yang penuh dengan kompetitif, belia perlu memiliki semangat waja tanpa

mengenal putus asa supaya dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan belia di negara maju. Untuk mencapai cita-cita kaum belia bukan sahaja terlibat dalam bidang akademik, tetapi kaum belia juga mesti melibatkan diri mereka dalam bidang ekonomi, terutama sekali belia di luar bandar.

Belia perlu kreatif dan inovatif untuk memacu pembangunan negara yang gemilang. Para belia, terutamanya belia luar bandar hendaklah bersifat berani, kreatif dan mempelopori bidang baru dalam ekonomi untuk mengecapi kejayaan.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui pasti institusi kewangan yang memberikan pinjaman kewangan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan.
- ii. Menjelaskan peranan institusi kewangan dalam memberikan bantuan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan.

SOALAN KAJIAN

- i. Adakah institusi kewangan yang memberikan pinjaman kewangan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan?
- ii. Bagaimanakah cara institusi kewangan memberikan bantuan kepada belia-belia yang hendak memulakan perniagaan.

METODOLOGI KAJIAN

Teori Daya Saing Porter (Teori Berlian)

Daya saing menurut Michael Porter (1990) adalah produktiviti yang didefinisikan sebagai output yang dihasilkan oleh tenaga kerja. Teori ini menyatakan bahawa sesebuah negara memperoleh keunggulan daya saing jika perusahaan yang ada di negara tersebut bersaing secara sihat. Menurut Michael Porter (1990), Faktor Daya Saing pada dasarnya mempunyai empat faktor yang mempengaruhi daya saing sesebuah negara, iaitu variasi tambah. Teori Daya Saing Porter menekankan inovasi pengusaha dengan meningkatkan kualiti produk untuk berdaya saing di pasaran domestik mahupun antarabangsa untuk meningkatkan ekonomi negara sehingga boleh bersaing dengan negara lain.

Teori Daya Saing Porter, yang dikendalikan oleh badan pentadbir yang ditulis oleh Mikhael Judema, Sinaga, Faishal Ibrahim, Adi Sopian, Helmi Aditnya Pamungkas. Strategi, struktur, dan tingkat persaingan perusahaan. Strategi, struktur dan tingkat persaingan perusahaan iaitu bagaimana unit-unit usaha di dalam sebuah negara dibentuk, diorganisasikan, dan dikelola serta bagaimana meningkatkan persaingan dalam negerinya. Sumber daya di sebuah negara, iaitu bagaimana

penyediaan sumber daya di sebuah negara iaitu sumber daya manusia, bahan baku, pengetahuan, modal dan infrastruktur. Sumber daya ini menjadi penentu perkembangan industri di sebuah negara. Empat faktor Teori daya saing Porter adalah seperti yang berikut:

i. Permintaan domestik

Permintaan domestik, iaitu bagaimana permintaan di dalam negeri terhadap produk atau layanan industri di negara tersebut. Permintaan hasil industri, terutama permintaan dalam negeri, merupakan aspek yang mempengaruhi perkembangan faktor awal keunggulan kompetitif sektor industri. Inovasi dan kemajuan teknologi diinspirasi oleh kekurangan dan keinginan pelanggan.

ii. Kewujudan industri sokongan

Kewujudan Industri sokongan, iaitu kewujudan industri sokongan atau industri negara yang mampu bersaing secara antarabangsa. Faktor ini menggambarkan hubungan dan sokongan antara industri, di mana ketika satu perniagaan memiliki keunggulan kompetitif maka industri-industri sokongan juga akan memiliki keunggulan kompetitif.

iii. Peluang

Peluang merupakan perkembangan yang berada di luar bidang kuasa perusahaan dan biasanya juga di luar bidang kuasa kerajaan suatu negara seperti penemuan baru, kejayaan teknologi, perkembangan politik luaran dan perubahan besar dalam permintaan pasar asing.

iv. Kerajaan

Kerajaan iaitu kerajaan pada semua tahap pemerintahan dapat meningkatkan atau mengurangkan keunggulan kebangsaan. Peranan negara penting dalam membentuk dasar yang mempengaruhi komponen-komponen dalam Diamond Porter. Contohnya dasar anti-trust mempengaruhi persaingan kebangsaan. Peraturan dapat mengubah faktor permintaan misalnya peraturan berkaitan subsidi BBM. Dasar kerajaan yang menyokong pendidikan dapat mengubah faktor produksi. Belanja kerajaan dapat merangsang industri berkaitan dengan sokongan.

Di seluruh dunia, tekanan dan peranan persaingan domestik pada industri tidak lagi ketara seperti di Jepun dan negara yang terlibat dengan peperangan. Banyak yang tidak boleh dicapai dari segi keuntungan. Bagi menekankan sasaran pasaran, syarikat-syarikat Jepun dalam perjuangan yang berterusan untuk mengatasi pesaing yang masuk mengikut turun naik harga saham. Pengeluaran perniagaan jelas dilaporkan dalam evolusi pasaran perniagaan. Tahap pertandingan direka untuk mengukur petunjuk daripada apa yang ada pada masa ini. Contohnya graduan kolej di semua peringkat umur muda sebagai diperkenalkan dengan pembangunan

produk.

Empat faktor teori Porter membentuk sifat-sifat berlian dan dalam keadaan tertentu apabila industri berlian atau sektor industri dalam keadaan yang terbaik, perusahaan terbesar di negara ini untuk mendapatkan kebarangkalian kejayaan. Porter berlian adalah satu sistem yang saling memperkuat dan menyumbang kepada sifat yang dimainkan dan bergantung kepada status ciri yang lain. Sebagai contoh, permintaan untuk keadaan yang baik tidak membawa kepada kelebihan daya saing kecuali negeri yang berdaya saing telah mencapai tahap yang mendorong syarikat-syarikat untuk bertindak balas.

Terdapat dua pemboleh ubah sebagai tambahan kepada empat unsur, peluang dan kerajaan. Ianya adalah dua pemboleh ubah yang mempunyai kesan yang besar kepada keadaan berlian negara dan boleh menjejaskan peluang jika dasar kerajaan acuh tidak acuh. Sebagai contoh, beberapa acara utama, termasuk proses inovasi teknologi akan menghasilkan beberapa jenis gangguan atau mutasi kesan yang membawa kepada kehancuran dan pembinaan semula struktur industri yang sedia ada. Peluang perusahaan dalam negara akan terpinggir dan digantikan oleh perusahaan lain. Sektor kerajaan melalui pilihan dasar yang boleh melemahkan atau menguatkan kelebihan daya saing negara. Sebagai contoh peraturan-peraturan boleh berubah dalam keadaan permintaan dalam negeri, dasar antitrust boleh menjejaskan tahap persaingan dalam industri, pelaburan kerajaan dalam pendidikan boleh ditukar kepada sumber. (Pada tahun 1994, kerajaan AS enggan untuk melanggar undang-undang antitrust memohon kepada syarikat perisian Microsoft \$ 1300000000 pengambilalihan pengeluaran "Quicken" perisian pengurusan kewangan, Intuit, Inc, dan salah satu matlamatnya untuk mengelakkan monopoli dan menggalakkan persaingan dalam industri).

Titik asas Porter adalah negara yang mencapai kejayaan antarabangsa dalam industri. Sejauh mana sumber dan kemungkinan di negara ini bergantung kepada empat unsur iaitu keadaan faktor, keadaan permintaan, hubungan dan bantuan serta strategi, struktur dan perusahaan yang berdaya saing kesan daripada gabungan. Beliau bukan sahaja menyatakan bahawa empat komponen "berlian" perlu wujud sebelum berkesan mempengaruhi dan menggalakkan pembangunan berdaya saing tetapi juga kuat menegaskan bahawa kerajaan boleh memberi kesan positif atau negatif ke atas mana-mana empat komponen dalam satu aspek. Subsidi kerajaan kepada industri, dasar pasaran modal, dasar pendidikan memberi kesan kepada unsur-unsur sumber dan bakat di negara ini. Melalui pembangunan standard keluaran negara dan norma peraturan dan pengaruh permintaan pembeli, kerajaan boleh memupuk dan membentuk sifat permintaan dalam negeri. Melalui dasar dan undang-undang, kerajaan boleh mempengaruhi persatuan industri dan industri sokongan. Melalui peraturan pasaran modal, dasar cukai dan instrumen, seperti undang-undang antitrust, boleh menjejaskan persaingan antara industri dan perusahaan.

Pengaruh

Model “berlian” Porter adalah kaedah baru untuk persaingan global atau persefahaman serantau yang kini telah menjadi sebahagian daripada pemikiran perniagaan antarabangsa. Organisasi terdiri daripada kumpulan Porter yang mempunyai pandangan “kelompok” atau perniagaan yang saling berkait seperti pembekal, industri dan wilayah tertentu yang telah menjadi perniagaan berdaya saing selari dengan pemikiran ekonomi kerajaan, penilaian dan pembangunan pendekatan serantau baru dengan dasar awam.

Teori Porter telah membimbing New Zealand dan tempat lain untuk menilai semula daya saing negara. Pandangan beliau dan secara peribadi terlibat dalam pembentukan sebuah penyelidikan strategik di beberapa negara dan wilayah, seperti Belanda, Portugal, Costa Rica dan India dan China Taiwan, Amerika Syarikat, Massachusetts, California dan County Basque dan kawasan-kawasan lain. Beratus-ratus strategi kelompok telah di mana-mana di dunia ini. Dalam era persaingan global, penyelidikan perintis ini telah menjadi standard untuk semua kerja-kerja masa depan yang diperlukan.

Strategi korporat struktur dan berdaya saing Porter menegaskan bahawa penggerak di sebalik pengantarabangsaan persaingan perniagaan adalah amat penting. Hal ini demikian kerana tekanan boleh datang daripada permintaan antarabangsa, mungkin juga tekanan daripada pesaing-pesaing tempatan atau asas pasaran. Mewujudkan kelebihan daya saing dan industri yang mapan adalah faktor terbesar yang berkaitan dengan pesaing yang kukuh dalam pasaran domestik. Porter berhujah bahawa, tidak seperti konsep tradisional yang bercanggah seperti persaingan domestik terlalu sengit dan penggunaan sumber yang berlebihan akan menghalang penubuhan skala ekonomi pasaran tempatan negeri secara optimum.

Dua hingga tiga penguasaan korporat, dengan skala ekonomi berdaya saing dengan peniaga asing untuk menggalakkan kecekapan operasi dalaman. Idea bahawa industri antarabangsa tidak memerlukan saingan pasaran domestik. Porter menegaskan bahawa di sepuluh buah negara yang dikaji, kelaziman terdapat pesaing domestik yang kukuh dalam daya saing industri antarabangsa. Dalam pertandingan antarabangsa, kejayaan pasaran domestik, industri ini adalah terikat untuk pergi melalui perjuangan, memaksa peningkatan dan inovasi, pasaran luar negara adalah lanjutan daripada daya saing. Di bawah perlindungan dan subsidi kerajaan, mencari-cari pesaing domestik “Super Star Enterprise” yang biasanya tidak mempunyai daya saing antarabangsa.

Peluang

Peluang adalah terhad, lebih-lebih lagi peluang untuk mempengaruhi empat elemen perubahan. Porter menegaskan bahawa pembangunan perusahaan, kemungkinan pada dasarnya dibentuk melalui beberapa peluang iaitu penciptaan rekaan yang berdasarkan teknologi, teknik konvensional muncul kerosakan, faktor-faktor luaran yang menyebabkan peningkatan mendadak dalam kos pengeluaran (seperti

krisis minyak), perubahan ketara dalam pasaran kewangan atau kadar pertukaran, lonjakan dalam permintaan pasaran, keputusan utama kerajaan, dan perang. Malah, peluang adalah pelbagai arah yang kebiasaannya membantu pesaing baharu untuk mendapatkan kelebihan, yang menyebabkan kehilangan kelebihan kepada pesaing asal yang hanya hadir untuk memenuhi keperluan pengeluar untuk mempunyai satu perkembangan baharu iaitu peluang.

Kerajaan

Porter menegaskan bahawa perusahaan yang terlibat dalam persaingan industri adalah bukan kerajaan, bagi mewujudkan kelebihan daya saing muktamad yang pasti akan dicerminkan dalam perniagaan. Walaupun menggunakan kakitangan awam yang paling cemerlang, masih lagi tidak mempunyai cara untuk menentukan langkah yang mana satu industri ini perlu ambil, dan bagaimana untuk mencapai kelebihan kompetitif yang paling sesuai. Kerajaan hanya boleh menyediakan sumber-sumber yang diperlukan untuk perusahaan, bagi mewujudkan persekitaran untuk membangunkan perindustrian.

Kerajaan hanya memainkan peranan untuk menjadi pembesar Kuasa Sistem Berlian. Kerajaan juga mewujudkan peluang dan tekanan baharu. Walau bagaimanapun, pelaburan langsung kerajaan dalam bidang perusahaan tidak dapat bertindak, iaitu, kos luaran, seperti pembangunan infrastruktur, keterbukaan kepada modal yang memupuk keupayaan integrasi maklumat. Kesan daripada kerajaan yang menghuraikan empat elemen, iaitu kesan kerajaan kepada keperluan perolehan kerajaan utama, pemerolehan kerajaan, standard yang ketat, jenis pelanggan yang cerewet (di Amerika Syarikat, peraturan-peraturan keselamatan kenderaan adalah dari awal perolehan kerajaan), perolehan prosedur harus kondusif bagi persaingan dan inovasi. Dari segi pembentukan kelompok industri, kerajaan tidak boleh melakukan apa-apa, tetapi boleh memperkukuhkan pembentukan kelompok industri tersebut. Kerajaan dalam pembangunan industri memainkan peranan yang paling penting dalam memastikan pasaran tempatan menjadi kawasan persaingan yang hebat dan pembangunan norma persaingan untuk menegakkan status antitrust.

Porter percaya bahawa perlindungan akan melambatkan pembentukan daya saing industri agar perusahaan dapat kekal di dalam negeri yang kurang persaingan. Nilai Dasar Berbanding dengan teori lain perdagangan antarabangsa merupakan teori kelebihan daya saing negara dalam banyak aspek yang mendorong kepada kejayaan besar. Hal ini bukan sahaja terletak pada corak ekonomi dan perdagangan antarabangsa semasa tetapi juga merupakan ringkasan teori dan kesimpulan, serta perubahan masa depan dalam kedudukan perdagangan negara telah berpandangan ke hadapan dan boleh diramal. Seperti yang telah dilakukan oleh negara Malaysia dengan melibatkan diri dalam teori dan dasar ekonomi serta perdagangan antarabangsa yang memberikan rumusan idea-idea baru.

Kelebihan daya saing utama negara-negara dibentuk untuk menubuhkan industri desa yang inovatif. Porter berkata, hanya untuk merebut industri utama

dalam ekonomi ini dianalisis untuk memahami dengan lebih jelas pembentukan kelebihan daya saing negara. Pembentukan kelebihan daya saing negara yang utama adalah membina industri yang berdaya saing. Kebanyakan industri yang terlibat ialah industri yang tinggi produktiviti, dan industri yang terus meningkatkan produktiviti perusahaan bagi mewujudkan sumber dan memupuk mekanisme inovasi progresif diri.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Majlis Amanah Rakyat merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah badan berkanun hasil daripada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera pertama pada tahun sebelumnya. Pengkaji mendapati bahawa agensi ini bertanggungjawab dalam memajukan, menggalakkan, memudahkan serta menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam persekutuan dan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Warga MARA diberi amanah dalam melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

- i. Permohonan Pembiayaan Perniagaan, Pinjaman Pelajaran dan Kemudahan Latihan Keusahawanan yang lengkap diputuskan dalam tempoh 14 hari.
- ii. Permohonan Sewaan Premis yang lengkap diputuskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tutup iklan.
- iii. Keputusan permohonan kemasukan ke MRSM diketahui mengikut peringkat seperti berikut:
 - Tingkatan Satu - 30 hari selepas tarikh akhir ujian dan temu duga.
 - Tingkatan Empat - 30 hari selepas tarikh keputusan PMR diumumkan.
- iv. Keputusan permohonan kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi MARA (IKM, KKTM, KPM, GMI, KPTM dan UniKL) diketahui dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan ditutup.
- v. Bayaran bil dan tuntutan dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima daripada pembekal.

Pengkaji mendapati bahawa objektif MARA yang paling penting yang mengutamakan kepada golongan belia adalah menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan ke arah menambah bilangan para usahawan belia terutamanya belia dari luar bandar serta mempertingkatkan tahap Usahawan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian yang bersaiz kecil dan sederhana. Menurut Teori Porter, beliau ada menyatakan bahawa kebanyakan industri yang terlibat dalam

perusahaan adalah industri yang mempunyai produktiviti yang tinggi dan industri ini akan terus meningkatkan produktiviti perusahaannya bagi mewujudkan sumber dan memupuk mekanisme inovasi progresif diri. Ini bermaksud, dengan adanya MARA, golongan belia terutamanya dari luar bandar dapat meningkatkan perusahaan dengan membuat pinjaman dari agensi ini dan meningkatkan produktiviti dari perusahaan mereka seperti katering, bengkel jahitan dan perusahaan makanan ringan.

Amanah Ikhtiar Malaysia

Amanah Ikhtiar Malaysia ditubuhkan pada 17 September 1987 melalui Suratcara Perjanjian Amanah Ikhtiar Malaysia serta didaftarkan di bawah Akta Amanah 1952 (pindaan 1981) (Akta 258). Tujuan utama badan amanah ini ditubuhkan adalah untuk membantu golongan-golongan yang kurang berkemampuan serta secara langsung mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dengan cara pengeluaran Pembiayaan Ikhtiar terhadap masyarakat-masyarakat miskin di kawasan luar bandar yang membolehkan pembiayaan terhadap sebarang kegiatan untuk menambahkan pendapatan sampingan. Prof Muhamad Yunus merupakan salah seorang yang bertanggungjawab sehingga tertubuhnya badan amanah ini. Usaha mulia beliau bermula daripada pengenalan kredit mikro dalam membasmi kemiskinan di Bangladesh pada 1976 dan telah berkembang ke seluruh dunia.

Pengkaji mendapati bahawa penduduk di kawasan luar bandar terutamanya kaum belia akan melakukan pinjaman dengan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk memajukan lagi perusahaan mereka yang sudah sedia ada. Pinjaman yang dilakukan ini memberikan peluang kepada mereka untuk membangunkan perusahaan dengan lebih meluas, apatah lagi sekiranya terdapat peningkatan dalam permintaan pasaran. Malah, menurut Porter dalam Teori Diamondnya bahawa peluang adalah dari pelbagai arah yang kebiasaannya dapat membantu pengusaha bersaing untuk mendapatkan kelebihan dalam memenuhi keperluan dan permintaan pengguna terhadap sesuatu produk.

Projek ikhtiar merupakan antara projek asas atau projek awal yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Dasar (PPD) Universiti Sains Malaysia pada ketika itu untuk mendapatkan info-info berkaitan serta menguji pendekatan Bank Grameen (PBG) dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar yang ketika itu begitu tinggi dengan cara memberi hak kredit mikro kepada golongan miskin. Pemberian kredit mikro ini bertujuan untuk membantu usaha-usaha golongan miskin dalam meningkatkan pendapatan harian mereka sekali gus keluar daripada kepompong kemiskinan.

Prof Muhamad Yunus yang bertugas sebagai Pensyarah Ekonomi di Universiti Chittagong pada ketika itu, mengkaji dan mendapat kesimpulan bahawa golongan-golongan miskin amat kurang melibatkan diri dengan dunia perbankan. Ini disebabkan, mereka kekurangan modal dan amat sukar untuk meningkatkan taraf hidup mereka sekiranya hanya bergantung kepada pendapatan harian yang mereka peroleh. Maka, beliau mengetengahkan idea untuk memberi sumbangan berbentuk

modal kepada golongan miskin agar dengan modal tersebut dapat memberi peluang kepada mereka untuk menambahkan pendapatan.

Pengkaji menemui bahawa kronologi penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia mengambil masa bertahun-tahun lamanya dengan melalui Projek bank Grameen sehinggalah Amanah Ikhtiar Malaysia dapat berdiri sebagai satu badan amanah seperti yang ada pada hari ini dengan menjalankan usaha-usaha menarik keluar masyarakat luar bandar terutama belia daripada masalah kemiskinan yang membelenggu kehidupan mereka. Peranan AIM bukan sahaja untuk membantu golongan-golongan miskin, malah secara tidak langsung dapat membantu menjana ekonomi negara kearah yang lebih baik.

Tiga objektif utama penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu:

- i. Mengurangkan kemiskinan dalam kalangan isi rumah miskin dan termiskin di Malaysia dengan menyediakan pembiayaan kredit mikro untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan.
- ii. Mensasarkan untuk menyediakan kemudahan kewangan berterusan kepada usahan-usahawan ikhtiar.
- iii. Menyediakan bimbingan dan latihan berterusan kepada isi rumah miskin, termiskin dan juga untuk usahawan-usahawan ikhtiar.

Bagi memastikan objektif-objektif yang telah disasarkan itu dapat dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa AIM menyediakan beberapa kaedah melalui dengan penyediaan produk-produk seperti pembiayaan modal, simpanan wajib serta Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat. Setelah melalui perkembangan semasa, AIM kini menawarkan 5 jenis produk dalam perkhidmatan mereka. Produk-produk tersebut adalah seperti Ikhtiar Rezeki, Ikhtiar Penyayang, Ikhtiar Bestari, Ikhtiar Sejahtera dan Program Kewangan Mikro Bandar. Produk Ikhtiar Rezeki pula dipecahkan kepada empat jenis iaitu Ikhtiar Mesra, Ikhtiar Srikandi, Ikhtiar Wibawa, dan Ikhtiar Wawasan.

Ikhtiar Rezeki

- i. Ikhtiar Mesra

Skim bantuan Ikhtiar Mesra merupakan asas kepada pembiayaan AIM. Had maksimum yang diletakkan bagi pembiayaan adalah sebanyak RM19.900 mengikut syarat-syarat yang tertentu dan tempoh bayaran balik yang ditetapkan adalah antara 25 minggu ke 150 minggu. Pembayaran balik perlu dilakukan secara mingguan dan caj sebanyak 10% dikenakan bagi tempoh pembayaran yang mengambil masa setahun manakala caj sebanyak 5% untuk pembayaran balik dalam jangka masa enam bulan.

- ii. Ikhtiar Srikandi

Berbeza dengan skim Ikhtiar Srikandi yang diperkenalkan untuk membantu ahli-ahli bagi mana-mana projek yang berpotensi tinggi dan berdaya maju. Apa yang penting, skim ini dapat memberi kemudahan kepada ahli-ahli atau

Sahabat AIM untuk mendapatkan modal tambahan tanpa perlu berurusan dengan institusi kewanganyang lain. Antara kelebihan yang ditawarkan melalui Ikhtiar Srikandi adalah Sahabat AIM boleh membuat pinjaman lebih daripada sekali dalam satu tempoh walaupun pada ketika itu Sahabat AIM masih meminjam dengan AIM. Kelebihan yang sangat memudahkan para pelanggan dan lebih bersifat untuk membantu. Namun, had maksimum pinjaman, tempoh pembayaran balik serta caj yang dikenakan adalah sama dengan skim Ikhtiar Mesra.

iii. Ikhtiar Wibawa

Bagi skim Ikhtiar Wibawa pula, atau juga dikenali sebagai Skim Ikhtiar Rezeki Wibawa (I-Wibawa) yang hanya ditawarkan kepada Sahabat AIM yang sedang mengambil skim Ikhtiar Mesra atau Ikhtiar Srikandi. Pengkaji menemui bahawa Ikhtiar Wibawa adalah bertujuan untuk membantu Sahabat AIM yang memerlukan tambahan modal untuk menjalankan produk secara bermusim atau mana-mana peluang perniagaan yang datang dalam tempoh masa yang singkat. Had maksimum yang diletakkan untuk pembiayaan adalah sehingga RM5000 manakala tempoh bayaran balik yang ditetapkan adalah selama 6 bulan. Namun, Skim Ikhtiar Wibawa memberi peluang kepada pihak peminjam untuk membayar balik pinjaman sama ada secara mingguan, bulanan, ataupun sekaligus. Caj pengurusan yang dikenakan pula sama seperti Ikhtiar Mesra dan Ikhtiar Srikandi.

iv. Ikhtiar Wawasan

Skim Ikhtiar Wawasan atau Skim Pembiayaan Ikhtiar Perusahaan Kecil diperkenalkan bagi tujuan menggalakkan Sahabat AIM menceburkan diri dalam perusahaan kecil dan sederhana. Pengkaji mendapati bahawa kadar pinjaman yang dibenarkan adalah bermula dari RM20, 000 sehingga RM50,000 iaitu had maksimum pembiayaan. Tempoh bagi pembayaran semula untuk pinjaman adalah di antara 25 minggu ke 250 minggu dan bayaran perlu dilakukan secara mingguan. Pengkaji mendapati bahawa caj pengurusan yang dikenakan adalah 10% untuk tempoh setahun dan 5% bagi tempoh bayaran balik selama 6 bulan.

Ikhtiar Penyayang

Ikhtiar Penyayang diperkenalkan untuk membantu Sahabat AIM yang mengalami kegagalan dalam projek atau perniagaan disebabkan faktor-faktor bencana alam seperti banjir, dan tanah runtuh selain juga disebabkan oleh faktor persekitaran ekonomi atau sosial. Skim ini ditawarkan bagi membantu mereka memulihkan semula projek yang gagal tersebut atau mungkin boleh memulakan projek baru yang lain. Pengkaji menjumpai bahawa keistimewaan Ikhtiar Penyayang ini adalah dengan adanya konsep penanguhanbayaran balik bagi skim-skim terdahulu yang telah dipinjam oleh Sahabat AIM dan Skim Pembiayaan Ikhtiar Penyayang ini boleh diproses seperti biasa, tetapi sekiranya pihak peminjam terutamanya daripada golongan belia yang membuat pinjaman berkeupayaan untuk membayar balik pinjaman kedua-dua skim secara serentak, maka penanguhan bayaran

balik akan ditarik semula dan sekiranya peminjam masih tidak berkemampuan untuk melakukan sedemikian, maka bayaran balik untuk Ikhtiar Penyayang ini diutamakan. Kadar tertinggi pembiayaan yang dibenarkan adalah berjumlah RM5000 dan tempoh bayaran semula yang ditetapkan adalah dalam lingkungan 25 minggu ke 150 minggu. Caj pengurusan yang dikenakan adalah sama seperti skim Ikhtiar yang lain.

Ikhtiar Bestari

Bertujuan untuk membantu Sahabat AIM dalam membiayai kos pendidikan serta kemahiran yang ingin dipelajari. Ikhtiar Bestari layak untuk dipohon oleh kesemua Sahabat AIM yang telah mengambil Skim Ikhtiar Mesra dan menjelaskan pembayaran balik dalam tempoh 25 minggu. Kadar yang boleh dipohon adalah mencecah sehingga RM5000. Pembayaran balik adalah secara mingguan dan perlu dilakukan dalam tempoh 6 bulan atau separuh daripada tempoh pembayaran balik Ikhtiar Mesra kali pertama. Pengkaji ini melihat skim ini sesuai untuk menampung kos pembelajaran untuk para belia terutama yang melibatkan pendidikan formal di mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara. Namun, kos pendidikan bagi pembelajaran meningkatkan kemahiran juga boleh ditampung melalui skim Ikhtiar Bestari.

Ikhtiar Sejahtera

Skim Ikhtiar Sejahtera yang bertanggungjawab untuk membiayai keperluan-keperluan semasa seperti pembelian rumah, tanah, mesin atau jentera pertanian, ibadah haji, kenduri kahwin, penebusan barang kemas dan bermacam-macam lagi dengan syarat tidak bertentangan dengan mana-mana hukum yang terdapat dalam Islam. Kadar pembiayaan terendah yang boleh dipohon adalah sekitar RM2000 manakala maksimumnya adalah sebanyak RM10,000. Pengkaji mendapati bahawa pembayaran semula perlu dilakukan secara mingguan dalam jangka masa 25 minggu ke 150 minggu atau 3 tahun lebih. Pengkaji mendapati bahawa skim turut mengenakan syarat kepada Sahabat AIM iaitu perlu mempunyai rekod bersih dalam mana-mana skim Ikhtiar yang ditawarkan oleh AIM sekurang-kurangnya telah menggunakan skim Ikhtiar Mesra dan membuat pembayaran semula dalam tempoh 25 minggu.

Program Kewangan Mikro Bandar

Skim ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana tidak memerlukan kepada cagaran dan penjamin serta turut mendapat sokongan yang padu daripada pihak kerajaan. Antara objektif diperkenalkan Program Kewangan Mikro Bandar adalah untuk menjana potensi untuk bekerja sendiri bagi golongan yang berpendapatan rendah. Selain itu, tujuannya adalah untuk menyebarkan lagi pendekatan kewangan mikro AIM terhadap golongan miskin serta berpendapatan rendah di kawasan bandar. Pengkaji mendapati bahawa pemohon yang layak adalah bagi mereka yang memiliki aset dengan nilai yang tidak melebihi RM50,000 serta berpendapatan bawah RM2000 sebulan. Terdapat juga syarat-syarat lain yang ditetapkan dan perlu dipatuhi oleh para pemohon. Istimewanya, Program Kewangan Mikro Bandar

ditawarkan secara berperingkat-peringkat.

Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)

Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ditubuhkan pada 28 Oktober 1969 mengikut Akta MARDI (Akta 11) dan mula beroperasi pada Mac 1971. Penubuhan MARDI adalah bagi tujuan untuk pembangunan teknologi untuk kemajuan industri makanan, pertanian dan industri asas tani tempatan. Pendekatan dalam pembangunan teknologi MARDI adalah melalui inovasi terancang dalam memastikan teknologi yang dibangunkan mempunyai daya saing yang tinggi. Menurut Teori Porter 1990, daya saing sesebuah negara ditentukan oleh kemampuan industri melakukan inovasi dan meningkatkan kemampuannya. Perusahaan memperoleh keunggulan daya saing disebabkan oleh tekanan dan tentangan. Menurut Porter juga dalam Teori Diamondnya, jika perusahaan ingin meningkatkan usahanya dalam persaingan yang kuat, perusahaan itu perlu memiliki prinsip perniagaan, harga yang tinggi dengan kualiti produk yang sedikit dan saling melengkapi. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kewujudan MARDI ini sekali gus dapat membantu para usahawan dari industri makanan, pertanian dan industri asas tani tempatan dalam menghadapi persaingan yang kuat dari dalam dan luar negara. Antara fungsi-fungsi MARDI adalah seperti berikut:

- i. Untuk menjalankan penyelidikan dari segi sains, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan segala tanaman (getah, kelapa sawit dan koko), ternakan dan makanan dan perladangan campuran.
- ii. Berkhidmat sebagai pusat pengumpulan dan peyebaran maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara saintifik, teknikal dan ekonomi yang berkaitan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani, melalui pelbagai kaedah termasuklah penerbitan laporan, terbitan berkala dan kertas kerja berhubung dengannya serta mengelolakan pameran, persidangan, syarahan dan seminar.
- iii. Menjadi satu pusat yang memberikan perkhidmatan pakar dalam industri makanan dan pertanian serta industri asas tani seperti perkhidmatan, perundingan, makmal analisis, jaminan kualiti serta R&D kontrak.
- iv. Memberi latihan untuk kemajuan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.
- v. Memberi geran untuk R&D dalam bidang sains tulen dan gunaan, teknikal dan ekonomi berkenaan dengan industri pertanian.
- vi. Mengekalkan hubungan dengan organisasi lain, sama ada awam atau swasta, dalam atau luar negara yang mengambil bahagian dalam penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan industri makanan dan pertanian

- serta industri asas tani.
- vii. Menjalankan penyelidikan dan pengeluaran berbentuk komersial.
 - viii. Membangunkan, mempromosikan dan mengeksploitasikan penemuan penyelidikan.
 - ix. Memberi perkhidmatan pengembangan kepada industri makanan dan pertanian serta industri asas tani

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga merupakan salah satu badan di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani. TEKUN ditubuhkan bertujuan untuk memperuntukkan bantuan berupa modal tambahan bagi usahawan kecil Bumiputera dalam membangunkan perniagaan dengan lebih mudah dan cepat. Universiti Sains Malaysia menjalankan projek perintis Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) di Pulau Pinang dan seterusnya projek tersebut dilaksanakan pula di daerah Jeli di Kelantan pada 1996 dan Besut Terengganu pada 1997 menjadikannya lebih meluas pada tahun 1998.

Pihak kerajaan telah memutuskan bahawa TEKUN akan diperluaskan di seluruh negara atas tujuan membantu usahawan-usahawan kecil Bumiputera kerana TEKUN telah mencapai kejayaan dalam projek-projek yang dijalankan. Bagi memastikan usaha TEKUN dapat diteruskan, Yayasan TEKUN Nasional telah ditubuhkan lantas diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) pada 9 November 1998 dan mula menjalankan operasi seawal 1 Februari 1999. Oleh itu, TEKUN mendapat sokongan penuh daripada pihak kerajaan. Yayasan TEKUN telah diberi nama baru iaitu TEKUN Nasional pada tahun 2008 yang berfungsi dalam aspek pembangunan keusahawanan dan memberi perkhidmatan sokongan selain terus menjadi agensi yang memberi pembiayaan kepada usahawan-usahawan kecil Bumiputera. Pengkaji mendapati bahawa TEKUN Nasional merupakan agensi yang menyediakan peruntukan modal kepada para usahawan terutamanya kaum belia yang baru sahaja mahu menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Kebanyakannya, peminjam daripada TEKUN adalah usahawan kecil belia di luar bandar. Pengkaji juga menemui bahawa TEKUN juga mempunyai beberapa peranan yang lain seperti berikut:

- i. Menyediakan maklumat-maklumat berkaitan keusahawanan serta peluang-peluang perniagaan yang sedia ada.
- ii. Memberi khidmat bimbingan dan sokongan kepada semua para usahawan yang menyertai TEKUN.
- iii. Memastikan komuniti usahawan TEKUN mempunyai daya usaha yang tinggi, inovatif, dan progresif serta jaringan perniagaan.
- iv. Menanam budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- v. Menggalakkan budaya menabung dalam kalangan usahawan TEKUN.

Jumlah pinjaman yang dibenarkan oleh TEKUN adalah dari RM500.00 hingga ke RM50, 000.00. Tempoh selama 1 bulan sehingga 5 tahun ditetapkan oleh TEKUN sebagai tempoh pembayaran semula pinjaman yang dilakukan. Pengkaji mendapati bahawa TEKUN Nasional mengenakan caj sebanyak 4% dalam perkhidmatannya. Pihak TEKUN Nasional turut menetapkan bidang-bidang perniagaan yang tertentu bagi para peminjam. Antaranya ialah dalam sektor:

- i. Peruncitan & Perniagaan
- ii. Perkhidmatan
- iii. Pertanian
- iv. Penternakan dan Akuakultur
- v. Pembuatan
- vi. Pendidikan
- vii. Pengangkutan
- viii. Pelancongan dan rekreasi
- ix. Pemborongan
- x. Pembinaan kecil

Hanya usahawan-usahawan bagi bidang-bidang yang disenaraikan ini sahaja yang dibenarkan untuk membuat pinjaman dengan TEKUN Nasional dan sektor-sektor tersebut juga merupakan antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh para usahawan. Setelah permohonan untuk pembiayaan dilakukan, beberapa proses dan prosedur bagi meneliti permohonan tersebut dilakukan oleh pihak TEKUN Nasional. Pengkaji mendapati bahawa TEKUN Nasional turut menyediakan Jadual Bayaran Balik Pinjaman bagi memudahkan para usahawan belia untuk melakukan pembayaran semula kepada TEKUN dimana ia menyediakan sebanyak 10 skim pembayaran semula mengikut tempoh bayaran semula pinjaman. Contoh, Skim 1 adalah untuk pembayaran semula yang perlu dilakukan dalam tempoh 6 bulan, 12 bulan, 18 bulan, 24 bulan, 30 bulan, 36 bulan, 42 bulan, 48 bulan, 54 bulan dan 60 bulan.

Sepanjang TEKUN Nasional menjalankan operasinya, ramai usahawan muda telah dibantu dan berjaya dengan perniagaan masing-masing. Bagi mana-mana pihak atau individu yang mempunyai sebarang aduan, masalah atau pertanyaan, TEKUN Nasional ada menyediakan borang aduan atas talian dan pihak TEKUN akan memberi maklumbalas dengan kadar yang segera. Pengkaji mendapati bahawa TEKUN bukan sahaja menjadi perintis pemberi pembiayaan bahkan turut memainkan peranan dalam pembangunan keusahawanan dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada para usahawan belia. Dalam Teori Diamond 1990 yang dikemukakan oleh Porter ada menjelaskan bahawa kerajaan memberikan subsidi kepada industri, dasar pasaran modal dan dasar pendidikan yang memberi kesan kepada perindustrian negara. Aisyah Hj. Kasa (2009:1) menerangkan bahawa kerajaan Malaysia menitikberatkan usahawan lebih-lebih lagi dari kalangan belia kerana mereka merupakan golongan yang bertenaga. Untuk menjalankan perniagaan, para belia memerlukan modal. Sebagaimana yang diketahui, belia di

kawasan luar bandar yang ingin memulakan perniagaan tetapi tiada modal. Oleh itu, kerajaan menubuhkan TEKUN untuk para belia membuat pinjaman modal untuk memulakan perniagaan mereka.

Tabung Ekonomi Belia (TEB)

Tabung Ekonomi Belia diletakkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Ekonomi Belia dan diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Tabung ini bermatlamat untuk memberi bantuan berbentuk pinjaman perniagaan kepada golongan belia. Pengkaji mendapati bahawa Kementerian Belia dan Sukan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dana pinjaman serta melantik institusi kewangan sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab untuk memproses, mengeluarkan pinjaman dan membuat kutipan semula. Golongan belia yang layak untuk mendapat kemudahan pinjaman daripada Tabung Ekonomi Belia adalah seperti berikut:

- i. Warganegara yang menetap di Malaysia dan berumur antara 18 – 40 tahun. Minima umur pemohon adalah 18 tahun dan maksima sebelum mencapai umur 41 tahun semasa mendaftar secara atas talian ataupun manual.
- ii. Telah mendaftar sebagai pemohon sama ada pendaftaran secara atas talian melalui laman sesawang portal Majlis Penggalakan Ekonomi Belia atau mengisi borang secara manual.
- iii. Telah lulus saringan Kementerian Belia dan Sukan bagi :
 - Ujian Minat Kerjaya dan Kecenderungan Keusahawanan
 - Kursus Asas Perniagaan khusus bagi pemohon yang baru memulakan perniagaan
 - Kursus Bimbingan Rancangan Perniagaan
- iv. Tujuan permohonan adalah untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.
- v. Permohonan pinjaman adalah secara individu dan perniagaan dijalankan secara sepenuh masa.
- vi. Hanya seorang sahaja di antara suami atau isteri yang layak pada bila-bila masa untuk memohon pinjaman.
- vii. Setiap peminjam mestilah bebas dan bersih dari tindakan undang-undang atau perhutangan.
- viii. Mengemukakan dua 2 orang penjamin. Syarat-syarat penjamin adalah seperti berikut:
 - Penjamin digalakkan daripada kalangan ahli keluarga.
 - Setiap penjamin mempunyai pendapatan tetap termasuk elaun-elaun tetap dengan syarat tidak kurang daripada RM 1000.00 sebulan.
 - Tidak mempunyai rekod tindakan yang berkaitan dengan perhutangan atau seumpamanya.
 - Semua pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Belia dan Sukan adalah tidak layak menjadi penjamin.
 - Seseorang yang layak untuk menjadi penjamin tidak boleh menjamin lebih dari dua 2 orang peminjam dalam satu-satu masa.
- ix. Borang permohonan yang lengkap dan kertas kerja mestilah dihantar kepada

- Kementerian Belia dan Sukan melalui institusi kewangan yang dilantik.
- x. Hanya satu pinjaman Skim Belia Negara atau SBT sahaja dibenarkan pada satu-satu masa.

Pengkaji mendapati bahawa syarat-syarat yang ditetapkan ini bertujuan untuk memastikan mereka yang mahu mendapatkan pinjaman terutamanya kaum belia benar-benar serius untuk menjalankan sebarang aktiviti perniagaan apabila pihak Kementerian Belia dan Sukan memberi kelulusan. Kesemua syarat-syarat ini digariskan juga untuk memastikan golongan belia yang layak benar-benar boleh memberi pulangan yang berbaloi dengan bantuan melalui Tabung Ekonomi Belia yang telah diberikan. Terdapat beberapa jenis skim dalam Tabung Ekonomi Belia seperti Skim Belia Niaga dan Skim Belia Tani.

Skim Belia Niaga (SBN)

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia telah dilantik sebagai institusi kewangan bagi menyelia Skim Belia Negara ini. Skop projek yang dibenarkan dibawah skim ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

- Perkhidmatan (klinik, pelancongan, solekan, pusat tuisyen, dan lain-lain).
- Pembuatan (kraftangan, pakaian dan anyaman).
- Perniagaan ICT (kedai internet dan pusat latih, kedai fotokopi, alat tulis dan pembayaran bil).
- Kiosk atau Gerai atau Pasar Malam atau Penjaja (burger, aiskrim, stokis dan francais, perniagaan berkonsepkan jualan langsung)

Skim Belia Tani

Bank Pertanian Malaysia dilantik sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab untuk memberi pembiayaan melalui skim ini. SBT dikhususkan untuk apa-apa aktiviti atau perniagaan yang berorientasikan pertanian. Ini bertujuan untuk membuka minat golongan belia supaya menceburi bidang pertanian selaras dengan hasrat mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi satu ketika dahulu yang memperkenalkan konsep pertanian suatu perniagaan. Maka, pihak kerajaan mengambil inisiatif ini untuk memastikan golongan belia diberi peluang memajukan sektor pertanian negara. Pengkaji mendapati bahawa antara skop projek di bawah Skim Belia Tani adalah:

- Pengeluaran tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga dan juga herba.
- Ternakan haiwan seperti lembu pedaging, lembu tenusu, kambing pedaging, kambing tenusu, biri-biri dan ternakan puyuh.
- Perikanan iaitu ternakan air tawar dan ternakan udang dalam kolam atau sangkar.
- Ternakan lebah madu dan industri asas tani iaitu seperti kek, pastri, roti, biskut, makanan sejuk beku, makanan berproses seperti jeruk, sos, kicap, makanan tradisional seperti baulu dan kerepek dan makanan ringan atau snek.
- Perkhidmatan tani yang meliputi bengkel jentera pertanian, kedai racun

kawalan musuh dan perosak termasuk baja dan alat pertanian, perkhidmatan profesional, sewaan jentera pertanian, nurseri bunga-bunga, buah-buahan dan lanskap.

Perkhidmatan tani ini adalah tidak termasuk pembiayaan untuk tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit, kelapa, buah-buahan seperti durian, rambutan, cempedak dan buah-buahan tempatan yang lain juga kos untuk membeli tanah dan premis perniagaan, modal kerja untuk kontrak tani dan apa-apa perniagaan berkonsepkan jualan langsung. Pengkaji mendapati bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan ini juga adalah salah satu cara untuk menyelamatkan golongan belia daripada krisis pengangguran yang begitu hebat melanda negara.

Selain itu, Tabung Ekonomi Belia juga memberi ruang kepada para belia melakukan aktiviti yang lebih berfaedah dan dapat memberi keuntungan kepada kedua-dua belah pihak iaitu golongan belia dan pihak kerajaan. Pengkaji mendapati ramai golongan remaja dan belia yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral seperti merempit, penyalahgunaan dadah, masalah pembuangan bayi, pergaulan bebas, dan kebejatan akhlak. Oleh kerana itu, kerajaan memutuskan untuk memberi sesuatu yang berharga dan boleh mendatangkan manfaat bukan hanya kepada golongan belia. Golongan belia seharusnya sedar dan mengambil peluang keemasan ini untuk memajukan diri dan juga keluarga yang secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Menurut Porter dalam Teori Diamond 1990, peranan pemerintah dan peluang pemerintah dikatakan memiliki peranan penting dalam menciptakan NCA. Ia bermaksud pemerintah memainkan peranan dari segi kewangan yang dimiliki menyediakan kemudahan, katalisme, dan tentangan dalam industri. Pemerintah menganjurkan dan mendorong industri agar mencapai tahap daya saing yang tertentu.

Apa yang ditawarkan oleh pihak kerajaan ini tidak mendatangkan kerugian sekiranya digunakan dengan baik dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Bukan sekadar memberi pembiayaan, pihak kerajaan terutama Kementerian Belia dan Sukan melalui Skim Tabung Ekonomi Belia sedia memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada para belia yang berminat untuk menceburi lapangan perniagaan. Oleh itu, diharapkan agar usaha pihak kerajaan untuk menyelamatkan dan mengangkat golongan belia ke satu tahap yang lebih cemerlang disambut baik oleh semua pihak terutama golongan belia. Semoga bidang keusahawanan terus menjadi pilihan para belia negara.

KESIMPULAN

Pembangunan ekonomi seseorang atau masyarakat mempunyai pengaruh yang besar terhadap dasar pembangunan di negara maju dan negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa masalah utama yang menyebabkan berlakunya kemunduran dalam ekonomi masyarakat terutamanya golongan belia

adalah kerana kekurangan modal. Inilah yang menyebabkan golongan belia tidak dapat memajukan industri perusahaan ini dengan lebih meluas lagi. Antara agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu para belia memajukan perusahaan adalah seperti MARA, Agrobank, SMIDEC dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Oleh itu, dengan adanya agensi-agensi yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta yang menawarkan bantuan dari segi bantuan modal sedikit sebanyak mampu meringankan beban kewangan kepada para usahawan dalam memajukan lagi perusahaan mereka. Pengkaji juga turut mendapati bahawa kelemahan dari segi sokongan dan dorongan juga menjadi satu sebab mengapa kurangnya penglibatan golongan belia dalam bidang perusahaan seperti bidang penternakan dan peruncitan. Golongan yang bertanggungjawab perlulah mengambil langkah yang sesuai untuk memberikan galakan kepada para belia untuk menceburkan diri dalam bidang ekonomi yang mampu memajukan diri mereka sendiri, keluarga dan negara.

RUJUKAN

Junaidi Awang Besar el. Al 2012. Persepsi Belia Terhadap Isu Politik Dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal Of Youth Studies*. 7(12), 136-156.

Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awanag Besar 2012. Pendapatan Dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Jurnal e-Bangi*. Volume 7: 50- 63.

Siti Khariah Mohd Zubir 2011. Pemikiran Belia Ke Arah Pemupukan Daya Kreatif dan Inovatif bagi Membangunkan Negara. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 4 (6), 1-19

Saifuddin Abdullah 2005. "Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat Kepada Khidmat". Dalam *Belia Dan Patriotisme Malaysia*. Ed. Hussain Mohamed. Melaka: Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia.

<http://www.prezi.com/7uxys7lieyk/teori-daya-saing-porter/>

<http://www.usahawan.com/pinjaman/tabung-ekonomi-belia.html>

<http://www.usahawan.com/pinjaman/perbadanan-usahawan-nasional-berhad.html>

<http://www.usahawan.com/pinjaman/tekun-nasional.html>

<http://www.mara.gov.my/pengenalan-sejarah>

<http://agribdc.blogspot.com/2012/01/penubuhan-fungsi-mardi.html>